

MANFAAT SAYEMBARA DAN HADIAH SASTERA KEPADA PENULIS

HUSAIRI HUSSIN
Universiti Utara Malaysia
putraery@yahoo.com

ABSTRAK

Sayembara dan hadiah sastera adalah landasan terbaik kepada pengarang untuk berkarya. Hal ini kerana, pengajur sayembara atau peraduan penulisan ada mengeluarkan panduan serta membimbing penulis untuk menghasilkan karya yang bermutu. Hadiah sastera pula adalah anugerah yang diberikan kepada penulis setelah karya diterbitkan. Walaupun begitu, karya-karya tersebut tetap akan dinilai berdasarkan kriteria tertentu. Jadi, penulis boleh menggunakan panduan tersebut untuk berkarya. Sehubungan itu, kajian ini pertamanya mengenal pasti manfaat yang diperoleh oleh pengarang setelah memenangi sayembara dan hadiah sastera. Objektif kedua kajian turut menghuraikan kriteria yang menjadi keutamaan panel penilai untuk memenangi sesuatu sayembara atau hadiah sastera. Keseluruhan penulisan ini bersandarkan kepada kajian kualitatif iaitu mengkaji data-data di perpustakaan seperti jurnal, tesis, buku dan sebagainya. Dapatkan kajian memperlihatkan bahawa kewujudan sayembara memberi manfaat kepada pengarang yang memenangi sayembara dan penerima hadiah sastera seperti mendapat hadiah yang lumayan, karya dan penulis dikenali dalam kalangan peminat sastera serta pengarang juga akan bermotivasi untuk menghasilkan karya yang bermutu agar terpilih menjadi bahan rujukan. Kriteria utama yang digariskan oleh panel penilai ialah kekuatan watak yang bersifat positif dan dinamik, mempunyai nilai estetika sastera, penerapan unsur intelektual dan mampu menggugah perasaan pembaca. Selain itu terdapat juga karya yang menerima kritikan setelah diangkat sebagai pemenang sayembara. Oleh itu, hal ini perlu diperhalusi lagi.

Kata kunci: hadiah sastera; karya sastera; *rubrik*; manfaat; sayembara

BENEFITS OF SAYEMBARA AND LITERATURE REWARDS TO WRITERS

ABSTRACT

Sayembara and Literature Rewards are the best platforms for writers to publish his or her writings. One of the reasons is that there are clear guidelines provided to the writers by the organisers which enable them to be guided in producing quality piece of writings. While, the literature rewards is a form of recognition given to the writers upon the publication, based on the selected judging criteria designed. The objective of this research is to identify a series of benefits obtained by the writers after winning any *Sayembara* and Literature Rewards. Secondly, this research is set to identify and elaborate the main criteria which are the focus of the panel to win any *Sayembara* and Literature Rewards. Overall, the research is based on qualitative research through secondary data obtained from selected library archives such as journals, thesis, books and others. The outcome of the research will be able to showcase the benefits of *Sayembara* to the winners on top of the existing benefits. The main criteria outlined by the appraisal panel are the character strengths of the characters that are positive and dynamic, have literary aesthetic value, the application of intellectual elements and able to

stimulate the reader's feelings. In addition, there are also works that receive criticism after being appointed as a winner of the contest. Therefore, this should be further refined.

Keywords: literature rewards; literature writing; rubrics; benefit; *sayembara*

PENGENALAN

Sastera diperakui di serata dunia sebagai komponen penting dalam mengimbangi tuntutan fizikal dan nilai insan dalam sesbuah masyarakat. Oleh itu, memberi pengiktirafan dan memartabatkan karya sastera seolah-olah menjadi serampang dua mata iaitu untuk manfaat kepada pengarang dan juga menghebahkan kepada khalayak agar membaca karya yang berkualiti. Dengan cara ini semua pihak memperoleh kelebihan sama ada penganjur, pengarang, syarikat penerbitan juga pembaca. Maka kekerapan dan pertambahan penganjuran sayembara dan penganugerahan kepada karya sastera sangat bermanfaat kepada banyak pihak. Hal ini juga telah tercatat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9), iaitu melalui teras pembangunan belia yang menekankan dimensi intelektual yang melibatkan peranan kesusteraan untuk membentuk modal insan negara (Mawar Shafei, 2006: 6). Perakuan ini membuktikan bahawa karya sastera sangat penting kepada pembangunan modal insan negara.

Kekerapan pertandingan seperti Sayembara Penulisan ITBM - PENA - BH dan hadiah sastera seperti Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM), Hadiah Sastera Kumpulan Utusan Malaysia (HSKU) dan Hadiah Sastera negeri-negeri membawa pelbagai konotasi. Impak ini memberi gambaran kepada khalayak tentang kepentingan sesbuah sayembara dan hadiah sastera diadakan. Di negara kita, terdapat beberapa badan dan pertubuhan yang sering menganjurkan pertandingan yang berprestij seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Institut Terjemahan Buku Malaysia (ITBM), Gabungan Persatuan Penulis Nasional (GAPENA), Persatuan Penulis Nasional (PENA), Berita Harian, Utusan Malaysia, Selangor Kini dan lain-lain seperti bank-bank dan kerajaan-kerajaan negeri yang bekerjasama dengan persatuan-persatuan penulis serta syarikat-syarikat penerbitan. Scenario ini memberi banyak ruang kepada pengarang untuk mengorak langkah mencari peluang sama ada untuk bertapak sebagai penulis, juga untuk mengukuhkan kedudukan dari segi ekonomi serta populariti (Hashim Ismail, 2017: 182). Oleh itu, apakah kemeriahan ini memberi manfaat kepada pengarang, persatuan, syarikat penerbitan dan pihak kerajaan?

Isu-isu kecelaruan bak peribahasa “*rumah siap, pahat berbunyi*” juga tidak lepas daripada menjadi buah mulut yang melibatkan beberapa perkara seperti (1) kualiti karya yang menang iaitu melibatkan hala tuju karya selepas dinobatkan sebagai pemenang, (2) kredibiliti para penilai atau hakim yang diberi tanggungjawab dan (3) nilai hadiah yang dimenangi. Jadi masalah ini sudah sering menjadi perbincangan hangat selepas sesuatu karya diangkat atau dijulang sebagai pemenang. Malahan, ada kalanya dijadikan topik perbincangan yang hangat di majlis-majlis seperti diskusi, forum dan bual bicara. Tidak kurang juga ada yang mengkritik karya tersebut di media sosial. Perkembangan pesat media sosial menjadikan perbincangan lebih hangat dan meriah untuk diperdebatkan. Situasi ini boleh memberi impak sama ada positif atau sebaliknya kepada pengarang dan karyanya bergantung kepada pemahaman masing-masing (Hashim Ismail, 2007: 27). Jadi permasalahan sebegini seharusnya diberi penekanan untuk dibincangkan secara ilmiah bagi mengurangkan yang keruh dan menjernihkan keadaan.

Permasalahan pertama (1) kualiti karya yang menjadi pemenang sering diragui walaupun telah dinilai mengikut kriteria yang telah digariskan. Ada kalanya, ciri-ciri karya pemenang itu telah ditetapkan mengikut tema tertentu bersempena dengan sesuatu perayaan yang akan disambut. Jadi sudah terang lagi bersuluh semua aspek penulisan yang dinilai akan memenuhi syarat yang ditetapkan. Tidak cukup dengan itu, selepas mengumumkan pemenang, pihak penganjur akan mengeluarkan laporan untuk dihebahkan kepada khalayak agar

keputusan tersebut lebih telus (Ani Awang, 2005). Walaupun begitu, tetap timbul perdebatan yang meragui kemampuan karya yang menang. Maka, akan terjadilah kebanyakan karya pemenang sayembara dan penerima hadiah sastera hanya terbiar tanpa diberi perhatian oleh khalayak pembaca. Masalah sebegini perlu diperhalusi untuk ditangani agar karya sastera bukan sahaja dijulang sebagai pemenang sayembara tetapi juga direbut oleh pembaca.

Seterusnya, permasalahan (2) kredibiliti panel penilai atau hakim juga sering dipersoalkan. Timbul persoalan, sejauh mana ketelusan sistem penghakiman kerana ada kalanya terdapat rungutan daripada peserta tentang kewajaran pemenang sesebuah karya. Sehingga suatu ketika tertentu diadakan pula dialog dengan panel penilai untuk mengetahui status atau kehebatan karya yang menang (Mohd Hasnul Mohd Sani, 2016) seperti kekuatan, keindahan dan sebagainya. Situasi begini sudah pasti menimbulkan tanda tanya kepada penggiat sastera akan keupayaan para penilai yang diberi amanah tersebut. Diharapkan sikap berani kerana benar para panel penilai berhujah di pentas terbuka menggambarkan bahawa terdapat ketelusan dalam memilih pemenang. Isu kredibiliti ini boleh dibincangkan memandangkan status penilai juga adalah bertaraf profesor dan doktor falsafah yang pakar dalam bidang tersebut. Justifikasi yang dijelaskan dengan alasan yang kukuh dan berani sudah pasti akan lebih mengangkat karya pemenang ke tahap yang lebih tinggi seterusnya diburu oleh para pembaca.

Akhir sekali permasalahan tentang (3) nilai hadiah yang ditawarkan kepada para pemenang. Sesebuah karya yang memenangi sayembara ada yang ditawarkan hadiah sehingga RM50,000. Nilai ini dilihat sangat besar terhadap sebuah manuskrip novel yang berjumlah lebih daripada 40 ribu patah perkataan atau 200 halaman. Hadiah yang diterima sudah pastilah lebih daripada berbaloi jika diumumkan sebagai pemenang utama. Walaupun begitu, masih ada yang merungut dan mempersoalkan tentang nilai hadiah tersebut. Oleh itu, diharapkan perbincangan sebegini boleh mencari kepastian tentang jumlah yang terbaik untuk ditawarkan kepada pemenang dalam sesuatu sayembara. Jumlah tersebut seharusnya sepadan dengan usaha penulis yang memerah otak melahirkan karya yang terbaik. Hal ini kerana karya yang menangi sayembara juga akan diterbitkan. Keadaan ini sudah pastilah akan mendatangkan keuntungan yang berganda-ganda kepada pemenang kerana karya mereka mendapat perhatian pembeli.

Oleh itu, kajian ini akan memenuhi dua objektif utama iaitu pertama untuk mengenal pasti manfaat yang diperoleh oleh pengarang setelah memenangi sesuatu sayembara atau menerima hadiah sastera. Manakala, objektif kedua untuk menghuraikan kriteria yang menjadi keutamaan panel penilai untuk memenangi sesuatu sayembara atau hadiah sastera perdana. Diharapkan penelitian ini dapat memberi garis panduan serta gambaran yang jelas kepada pengarang untuk menghasilkan karya yang bermutu dan seterusnya memenangi sayembara atau memenangi hadiah sastera. Hal ini demikian kerana, jika manuskrip tersebut berkualiti serta memenuhi kriteria pasti akan diterbitkan (Mohd Khair Ngadiron dan Mohd Rozlan Mohamed Noor, 2015: 3). Sehubungan dengan itu, lebih banyak karya yang bermutu akan menemui pembaca di negara kita untuk membentuk masyarakat yang berilmu.

Diharapkan beberapa perkara penting yang tidak jelas berhubung dengan sayembara dan hadiah sastera dapat diperhalusi untuk kebaikan semua. Karya yang dijulang sebagai pemenang bukan sahaja menjadi bacaan pengkaji sastera sahaja sebaliknya, biarlah menjadi pilihan semua lapisan masyarakat. Rahmat memenangi sesebuah sayembara diharapkan menjadi landasan kepada pengarang untuk menghasilkan karya yang lebih baik pada masa akan datang. Malahan, perbincangan ini juga boleh dijadikan rujukan kepada para penulis baru dalam menentukan hala tuju penulisan mereka.

SOROTAN KAJIAN

Kajian-kajian lepas memperlihatkan senario penulis atau pengarang menyertai sayembara atau pertandingan penulisan seperti novel, cerpen, puisi atau skrip drama bukanlah perkara baharu. Malahan terdapat beberapa orang penulis seperti Azizi Haji Abdullah, Amer Hamzah L. Kadir dan beberapa lagi menulis hanya untuk menyertai sayembara (Mohd Khair Ngadiron et. al., 2015: 5). Mereka juga mencipta nama dan popular setelah memenangi sayembara atau hadiah sastera dan dicap sebagai penulis sayembara. Menurut Zalila Sharif (2008: 9), sayembara boleh difahami sebagai peraduan yang melibatkan penulisan karya-karya kreatif.

Sayembara penulisan pertama diadakan pada tahun 1958 iaitu sempena sambutan kemerdekaan negara yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Seterusnya, DBP terus mengorak langkah menjadi perintis untuk menganjur sayembara penulisan yang diadakan pada setiap tahun lebih-lebih lagi ketika menyambut sesuatu perayaan seperti kemerdekaan negara iaitu Sayembara Menyambut 10 Tahun Merdeka dan 50 Tahun Merdeka (Zalila Sharif, 2008: 9). Hal ini memperlihatkan bahawa Malaysia adalah negara yang paling banyak menganjurkan sayembara penulisan berbanding dengan negara lain di Asia Tenggara seperti Indonesia, Singapura dan Brunei (Rozimah Abd Azib, 2008: 2).

Kekerapan penganjuran sayembara sebegini membolehkan para pengarang sentiasa bersedia dengan karya yang bermutu untuk menyertai sesuatu sayembara. Disebabkan itu juga, setiap kali sesuatu sayembara dianjurkan maka, akan ada beratus-ratus manuskrip diterima oleh pihak pengajur. Mohd Khair Ngadiron dan rakan (2015: 3) melaporkan ketika Sayembara Penulisan kali ke-2, ITBM, PENA-BH, urus setia sayembara menerima sebanyak 611 manuskrip. Hal ini menunjukkan bahawa negara kita tidak pernah ketandusan pengarang dalam menghasilkan karya-karya untuk manfaat semua. Oleh itu, jika difikirkan secara positif sudah pasti hasrat kerajaan untuk menjadi negara maju yang menerbitkan 26 ribu judul buku setahun akan tercapai.

Seterusnya penulisan Rozimah Abd Azib (2008: 2) dalam majalah *Dewan Sastera* menyebut bahawa ramai pengarang mengidamkan karya mereka menjadi pilihan panel penilai sebagai pemenang tidak kiralah sama ada hadiah utama atau sebaliknya. Hal ini kerana pemenang akan meraih kemasyhuran dan diangkat sebagai ikon dunia sastera. Maka adalah penting untuk melihat sejauh mana sesebuah karya yang memenangi sesuatu anugerah itu layak untuk dimasyhurkan? Juga dengan cara ini diharapkan dapat membantu penulis-penulis baru yang masih mencari identiti untuk mempelajari sesuatu untuk dijadikan idea penulisan mereka (Othman Puteh, 2000: 9). Hal ini demikian kerana, penulis juga perlu ada identiti dan teknik penulisan sendiri dalam karya mereka. Oleh itu, sudah jelas banyak manfaat diperoleh apabila sesebuah karya itu dijulang sebagai pemenang dalam sesuatu sayembara dan hadiah sastera.

Namun begitu jika sebaliknya berlaku sudah pasti akan ada cakap-cakap yang tidak enak untuk didengari. Tambahan pula, jika pemenang adalah dalam kalangan kenalan para panel penilai. Dilema ini sudah lama berlaku dalam dunia sayembara di negara kita. Isu ini tidak habis begitu sahaja sehingga sebilangan pengarang tidak berminat untuk menyertai mana-mana sayembara kerana isu-isu picisan (Nisah Haron, 2012: 10). Perasaan tidak puas hati akan wujud jika benar perkara yang dihebohkan berlaku seperti diperkatakan. Namun begitu, perkara ini tidak dapat dipastikan kerana selalunya manuskrip yang diterima oleh panel penilai tidak mempunyai maklumat pengarang. Walaupun begitu harus diingatkan bahawa jika tiada angin masakan pokok akan bergoyang. Hal ini semakin jelas apabila karya yang memenangi sayembara dipersoalkan dengan pelbagai kelemahan dan kepincangan setelah diterbitkan. Lebih parah lagi apabila buku-buku tersebut terbiar kerana tidak mendapat sambutan. Oleh itu, perkara ini perlu ditangani secara berhemah agar kualiti sayembara di negara kita terpelihara malah, karya pemenang juga diterima oleh masyarakat seterusnya ke peringkat antarabangsa.

Isu tentang kajian ilmiah yang mengkritik pedas dan keras sesebuah karya yang telah memenangi sesuatu sayembara menguatkan lagi kepincangan yang telah diperkatakan (Mohd Affendi Hassan, 2003: 1). Walaupun begitu, adalah lebih baik berlapang dada menerima segala kajian ilmiah yang dilakukan terhadap mana-mana karya biarpun ada kalanya agak keterlaluan. Jika dilihat dari segi positif, kritikan sebegini akan memberi banyak maklumat kepada pengarang kerana selalunya setiap perkara yang diulas lebih kritis dan terperinci. Setiap isu dalam sesebuah cerita akan dilihat dengan teliti oleh para pengkritik sehingga ada yang menyentuh perkara yang di luar cerita, iaitu perkara yang berkaitan dengan ideologi dan cara hidup pengarang. Hal-hal sebegini menimbulkan persoalan kepada pembaca, adakah perkara yang diperkatakan oleh pengkritik yang hendak disampaikan oleh pengarang dalam ceritanya? Sedangkan pengarang hanya bercerita melalui kreativiti berdasarkan gabungan pengalaman dan pemerhatiannya. Isu sebegini memperlihatkan pengkritik sentiasa melihat secara terbuka sama ada terdapat agenda tersirat atau tersurat untuk dijadikan bahan perdebatan dan rujukan pembaca kelak. Maka pembaca dan pengarang boleh menggunakan maklumat tersebut untuk melahirkan karya yang lebih baik.

Sehubungan itu, apabila timbul isu-isu sebegini sudah pasti sesebuah karya yang baik sering kali menjadi buruan pengkritik dan pembaca untuk mengetahui perkara yang disensasikan. Malahan tidak kurang juga sebaliknya yang berlaku iaitu karya-karya pemenang sayembara hanya menjadi rujukan ahli akademik sahaja tetapi ditolak oleh pembaca yang lebih suka membaca untuk tujuan hiburan dalam mencari keseronokan dalam memenuhi masa lapang (Nisah Haron, 2012: 12). Disebabkan itu, mereka tidak berminat untuk membaca karya-karya yang berat. Oleh itu, menjadi satu kewajipan kepada peserta sayembara untuk mengetahui segala aspek yang telah dinilai untuk menerima anugerah sastera perdana atau memenangi sayembara. Laporan yang dikeluarkan oleh pihak pengajur banyak manfaat kepada pengarang dalam menghasilkan sesebuah karya (Mohd Khir Ngadiron et. al., 2015: 5). Apabila adanya laporan, sudah pasti pengarang akan berfikir sama ada menghasilkan karya untuk menyertai sayembara yang akhirnya karya akan terbiar tanpa pembaca atau menulis cerita yang karyanya laris seperti pisang goreng panas. Hal-hal sebegini biarpun kelihatan remeh namun, sangat berguna kepada penulis untuk menentukan hala tuju sesebuah karya.

Kajian lepas juga menunjukkan bahawa aspek-aspek yang telah digariskan sebagai kriteria dan syarat boleh mengangkat dan menentukan hasrat penulis sama ada karya menjadi perhatian umum atau sebaliknya. Maka jelas bahawa kajian ilmiah banyak membantu penulis dan pembaca untuk mengenali sesebuah karya secara lebih telus dan dekat melalui laporan yang dikeluarkan. Oleh itu, perbincangan dan perdebatan yang adil sudah pasti akan menarik perhatian banyak pihak untuk mengetahui perkara yang sebenar dalam sesebuah karya. Jadi sudah tentu karya sebegini akan menjadi perhatian. Jika diperhalusi banyak penulis yang karyanya diangkat kerana mempunyai nilai estetika yang telah digariskan mengikut tema atau kriteria yang ditetapkan (Hashim Ismail, 2007: 28).

Berdasarkan penelitian daripada kajian-kajian lepas, didapati bahawa kebanyakan penulis atau pengkaji tidak menyebut tentang manfaat yang diperoleh pengarang secara terperinci. Rata-rata hanya menyatakan ada kebaikan atau sekadar menyebut ganjaran yang akan diperoleh. Selain itu, beberapa kajian juga ada menyentuh tentang perihal kekuatan karya yang telah memenangi sesuatu sayembara atau menerima hadiah sastera. Jadi fokus kajian untuk melihat manfaat kepada pengarang yang memberi banyak ruang dan peluang dalam dunia penulisan.

METODOLOGI KAJIAN

Beberapa kaedah kajian boleh diguna pakai bagi menghasilkan dapatan kajian yang sempurna dan boleh digunakan oleh semua pihak. Dalam kajian ini kaedah kualitatif yang melibatkan

kajian perpustakaan untuk mengumpul data akan digunakan untuk menghasilkan kajian yang relevan dan sah. Data-data tersebut adalah terdiri daripada artikel jurnal, tesis, bahan majalah keratan akbar dan sebagainya. Semua dokumen tersebut akan dianalisis untuk menjawab persoalan kajian bagi memenuhi objektif yang telah ditetapkan. Kajian kualitatif ini melibatkan pengumpulan data-data melalui rujukan terutamanya di perpustakaan. Kesungguhan mencari, mengumpul dan memilih bahan-bahan rujukan daripada perpustakaan akan menghasilkan dapatan yang terperinci. Sehubungan dengan itu, maklumat dan data yang diperoleh diharap dapat mentafsir maklumat untuk menyokong kajian yang dijalankan. Interpretasi maklumat ini mesti melalui sokongan-sokongan daripada kajian-kajian lepas. Malahan kajian ini juga disandarkan dengan pendapat tokoh atau buku-buku agar lebih berwibawa. Hal ini demikian kerana, apabila terdapat pendapat daripada kajian yang telah dijalankan, maka akan lebih menambah dan menjelaskan data yang diperoleh (Othman Lebar, 2009: 138). Sokongan tersebut juga haruslah berdasarkan bahan-bahan yang terkini agar dapatkan kajian lebih jelas. Selain itu, penelitian juga dibuat secara terperinci seperti mengenal pasti data, kenal pasti kelemahan dan kelebihan data, membuat keputusan dan mengatur serta menganalisis data agar segala maklumat dan dapatan yang digunakan adalah relevan dengan tajuk yang telah dipilih.

KARYA SASTERA

Persoalan yang menjadi pertanyaan kepada penulis adalah apakah ciri-ciri atau isu yang perlu diketengahkan oleh penulis untuk menghasilkan sebuah karya sastera yang agung? Kesempurnaan yang bersifat universal itu diharapkan mampu memuaskan hati semua pihak terutama pengkritik dan pembaca yang tercari-cari karya sastera yang bermutu serta laris di pasaran. Walaupun begitu mesti ada ciri-ciri tertentu untuk dinilai bagi mengkategorikan sebagai karya sastera yang bermutu. Selalunya perkara yang dilihat apabila sesebuah kisah itu baik adalah keindahan aspek-aspek sastera. Dengan cara itu, bukan sahaja boleh menjulang nama sebagai pemenang sesebuah sayembara, tetapi juga dapat memenangi hati pembaca untuk laris di pasaran.

Menurut Mana Sikana (2015: 38), karya sastera yang baik mempunyai isu atau persoalan yang berkaitan dengan pemikiran, falsafah dan premis, iaitu pengakhiran yang membawa kepada kesimpulan sesebuah cerita. Perkara ini boleh diolah oleh penulis secara langsung ataupun secara tidak langsung dalam cerita yang dihasilkan mengikut kreativiti masing-masing. Selain itu, kajian tentang sesebuah karya sastera juga akan menganalisis kandungan cerita tersebut dengan sebaik mungkin untuk mendapat persoalan yang hendak diutarakan oleh pengarang (Hashim Ismail, 2007: 29). Selalunya karya sastera yang baik pada mata para pengkritik akan diterima baik juga oleh pembaca.

Jadi kehebatan sesebuah karya biasanya agak ringkas seperti persoalan yang mudah difahami oleh pembaca. Isu-isu yang diketengahkan merangkumi gambaran warna-warni dalam kehidupan masyarakat asalkan disusun mengikut alur cerita dan garapan tertentu untuk menjadi naratif yang sempurna. Apabila dibaca, ceritanya dapat menyentuh perasaan seperti timbul kesedaran yang boleh membawa kepada perubahan dan ikutan. Hal ini samalah seperti pendapat Mana Sikana (2015: 22) iaitu isu yang digarap adalah medium untuk menyampaikan maklumat cuma menggunakan bentuk naratif yang dapat menarik minat pembaca. Oleh itu, segala isu atau persoalan yang hendak dikisahkan dalam karya sastera tidaklah terlalu *rigid* asalkan cara penceritaan dapat sampai kepada pembaca. Hal ini dapat dilihat melalui novel *Salina* karya A. Samad Said, yang hanya kisah cinta, tetapi cara penyampaiannya yang berkesan dapat menarik minat berjuta-juta pembaca sehingga kini malah, diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa (Mohd Rusdi Samsuddin, 2015).

Maka karya sastera yang baik malah, dianggap sempurna mesti lengkap dari segala aspek, iaitu cerita yang menarik dan juga aspek-aspek sastera yang tersusun kemas (Mawar

Shafie, 2015: 180). Penjelasan ini boleh memberi gambaran asas kepada penulis untuk menghasilkan karya yang sempurna dan menarik agar menjadi tarikan masyarakat untuk mendekati karya sastera. Hal ini tidak bermakna karya sastera yang berat tidak bagus cuma sukar untuk mempengaruhi perhatian pembaca. Jadi, tidak ada guna cerita yang hebat tetapi tidak mendapat sambutan di pasaran untuk diselami oleh khalayak.

SAYEMBARA, HADIAH SASTERA DAN GARIS PANDUAN PENILAIAN

Peraduan menulis, yang juga dikenali sebagai sayembara sering diperkatakan dalam kalangan dunia penulis. Banyak isu yang boleh dibincangkan oleh pengarang mengenai sesebuah sayembara terutama sekali jumlah hadiah yang ditawarkan (Latifah Arifin, 2015: 5). Nilai hadiah amat sensitif kepada sesetengah penulis yang hanya menulis untuk menyertai sayembara. Begitu juga dengan penulis hanya menjadikan penulisan sebagai sumber pendapatan utama. Namun begitu, perkara ini masih tidak sehangat perbincangan tentang karya yang telah dijulang sebagai pemenang, tetapi tidak memuaskan hati sesetengah pihak. Hal ini kerana ada sesetengah karya tidak mendapat sambutan apabila berada di pasaran malah, langsung ditolak oleh pembaca.

Bagi mengatasi masalah tersebut maka garis panduan untuk menilai pertandingan atau sayembara penting agar dapat melihat karya secara objektif. Terutama sekali dapat dinilai secara adil dan saksama dalam meneliti sebuah naskhah yang benar-benar hebat untuk dipersembahkan kepada khalayak. Lagipun minat dan selera manusia tidak sama dan sentiasa berubah-ubah. Bagi memuaskan hati semua pihak bukanlah mudah cuma, perlu ada penerangan yang menyeluruh agar boleh melegakan keresahan para penulis. Jadi kriteria atau garis panduan atau *rubrik* untuk penilaian sesuatu sayembara itu mestilah jelas. Dengan cara ini, karya yang menang boleh diangkat untuk mewakili sesuatu komuniti malah, disebar luaskan ke peringkat global seperti di Asia seterusnya ke peringkat antarabangsa. Dengan cara ini juga, diharapkan apabila sudah menerima anugerah isu-isu seperti “*rumah siap, pahat berbunyi*” sepatutnya tidak akan timbul lagi (Lim Swee Tin, 2013: 22).

Bagi mengatasi masalah yang berbangkit seperti ini, laporan pemenang pertandingan adalah sangat mustahak untuk disiarkan. Cara tersebut pasti dapat membantu para penulis atau peserta yang menyertai sesuatu sayembara. Lagipun melalui laporan juga ciri-ciri pemenang sesebuah karya akan dijelaskan dengan terperinci. Perkara-perkara seperti kelebihan dan kekuatan sesebuah karya sehingga diangkat sebagai pemenang akan dinyatakan. Jadi dengan cara ini sekurang-kurangnya dapat mengurangkan keresahan para peserta yang tidak memenangi sayembara tersebut. Hal ini dapat dilihat melalui laporan yang dilakukan oleh pengajur Sayembara Penulisan ITBM-PENA-BH satu dan dua. Dalam laporan tersebut segala maklumat seperti jumlah manuskrip, kriteria pertandingan, objektif dan sebagainya disiarkan kepada semua (Mohd Khair Ngadiron et. al., 2015: 6). Maka pengarang boleh menjadikan laporan tersebut sebagai panduan untuk penulisan pada masa hadapan.

Anugerah Hadiah Sastera mula diperkenalkan pada tahun 1958 oleh kerajaan Malaysia melalui Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Sejak mula diperkenal ramai penulis mula mengimpikan untuk menjadi penerima atau pemenang. Hal ini demikian kerana prestij dan juga nilai hadiah yang ditawarkan sangat lumayan. Walaupun begitu, sejak sekian lama diperkenalkan masih juga timbul isu-isu tertentu, terutama kelayakan sesebuah karya tersebut sebagai penerima atau pemenang. Berbeza dengan sayembara, kerana hadiah sastera penilaian dibuat terhadap novel yang telah diterbitkan pada masa tersebut. Sedangkan sayembara menilai karya-karya yang belum pernah diterbitkan iaitu manuskrip. Maka jika sesebuah novel yang menerima hadiah sastera selalunya akan mendapat pelbagai reaksi. Hal ini kerana karya tersebut pernah dibaca oleh khalayak. Jika tidak cukup sempurna pasti akan ada komen-komen yang mengkritik pemilihan tersebut.

Menelusuri karya yang telah diangkat sebagai penerima hadiah sastera pula kebanyakan novel yang dicalonkan adalah yang terbaik pada tahun semasa. Walaupun begitu ada kalanya karya-karya yang terbaik ini agak terhad. Namun, kehebatan dan kualiti pemenang-pemenang melalui karya ini sering diiktiraf oleh banyak pihak dan menjadi sebutan dalam kalangan penggiat sastera (Nazmi Yaakub, 2014: 30). Buktinya, ramai sasterawan negara atau penerima *SEA Write Award* muncul dalam kalangan penerima anugerah sastera. Jadi dengan status tersebut amat sesuai untuk meneliti kriteria-kriteria besar sebegini dari segi manfaat yang akan diperoleh pengarang. Cuma ada kalanya perlu ada sistem yang benar-benar kukuh untuk membuktikan kepada khalayak bahawa karya tersebut benar-benar layak. Dengan cara ini juga diharapkan tiada ruang kepada para pengkritik mengambil kesempatan untuk menghebohkan akan kelemahan karya yang telah dijulang sebagai pemenang sayembara (Nisah Haron, 2012: 11).

Hadiah sastera telah menggariskan karya yang dipilih sebagai pemenang mestilah mempunyai isi atau persoalan nasional, teknik penceritaan yang menarik, gaya bahasa yang indah serta nilai yang boleh menjadi pedoman kepada pembaca (Laporan Panel Hadiah Sastera Perdana, 2015). Jadi kriteria ini sudah sering diulang-ulang sejak kali pertama HSPM diperkenalkan malah, apabila sesebuah karya diumumkan sebagai pemenang laporan perincian juga disiarkan.

Jadi tuduhan yang tidak berasas atau kritikan yang tidak sepatutnya tidak akan kedengaran kerana sudah ada ciri-ciri dan garis panduan yang jelas. Garis panduan yang digariskan adalah seperti berikut, iaitu (1) kekuatan penampilan watak utama yang bersifat positif dan dinamik. Selain itu, (2) nilai estetika pula mempunyai nilai kesatuan yang utuh untuk semua aspek sastera. Seterusnya, (3) unsur intelektual yang tidak menghakis yang dapat mencerdikkan para pembaca. Akhir sekali, (4) karya yang baik mampu menggugah sifat manusia secara halus. Jadi, dengan semua aspek ini sudah pasti pengkajian ini akan menemui satu jalan penyelesaian yang baik untuk memberi manfaat kepada penulis. Malahan diharapkan karya-karya bermutu ini menjadi pilihan utama seluruh rakyat dan juga pengkaji di Malaysia (Laporan Panel Hadiah Sastera Perdana, 2010/ 2011).

RUBRIK

Kajian Didi Rainer (2017), mengatakan semua kekurangan dan kehebatan sesebuah novel yang telah dikeluarkan melalui laporan panel penilai boleh digunakan oleh para penulis sebagai pedoman. Oleh hal yang demikian, untuk memastikan semua manuskrip yang menyertai sayembara diadili dengan adil maka, pihak penganjur akan menetapkan kriteria. Perkara ini sangat penting untuk difahami oleh semua pihak terutama pengarang agar kelak tidak timbul perasaan tidak puas hati seperti pihak-pihak tertentu mendesak untuk mengadakan perbincangan tentang karya yang telah menang (Nazmi Yaakub, 2014: 30). Lebih baik sekiranya syarat-syarat pertandingan dijelaskan melalui *rubrik*.

Rubrik bermaksud alat atau skor lengkap sebagai garis panduan yang digunakan untuk menilai prestasi sesuatu yang bersifat subjektif. Jadi kualiti atau prestasi manuskrip yang dinilai mesti memenuhi *rubrik* yang telah ditetapkan. Dengan cara ini, keadilan dan ketelusan dalam menilai sesebuah manuskrip akan lebih terjamin malah, mempunyai sebab dan alasan untuk diberikan kepada peserta sayembara. Laporan berkaitan dengan sayembara tersebut boleh dihebahkan kepada semua, dengan harapan para peserta sayembara dapat memperbaiki hasil penulisan mereka pada masa akan datang.

Persoalannya, kenapa *rubrik* ini perlu disediakan oleh pihak penganjur sayembara? Tujuan paling utama adalah sebagai pedoman atau panduan kepada para penilai atau panel sayembara agar lebih telus. Dengan adanya *rubrik* untuk penilaian sayembara, kerja untuk mendeskripsi lebih mudah dan terarah kerana sudah ada panduan yang jelas, malah boleh

diguna pakai oleh semua panel penilai. Selain itu, beliau juga mengharapkan dengan adanya *rubrik*, penilaian yang dilakukan adalah lebih objektif dan konsisten untuk menilai beratus-ratus manuskrip (Dedi Rainer, 2017). Bukan perkara mudah untuk membaca dan memutuskan pemenang bagi setiap sayembara yang disertai oleh beratus-ratus manuskrip. Hal ini demikian kerana, setiap cerita dan kisah yang diterima ada pelbagai gambaran untuk diselami dan dinilai oleh panel hakim bagi mendapatkan pemenang yang benar-benar layak.

MANFAAT KEPADA PENGARANG

Dapatan kajian mendapati ternyata ada rahmat kepada pengarang yang memenangi sayembara dan hadiah sastera iaitu; (1) menerima hadiah yang lumayan, (2) karya dan penulis dikenali ramai dalam kalangan peminat sastera serta (3) pengarang lain juga akan bermotivasi untuk menghasilkan karya yang bermutu agar terpilih menjadi bahan rujukan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa sayembara dan anugerah sastera dapat memberi pelbagai kebaikan kepada banyak pihak terutamanya pengarang.

Menerima Hadiah yang Lumayan

Belakangan ini, kemeriahinan sayembara banyak diperakui oleh pihak kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan sehingga sanggup menaja hadiah yang lumayan. Rentetan itu sudah ada syarikat penerbitan yang mula menganjurkan sayembara untuk mencari naskhah-naskhah yang bermutu untuk diterbitkan. Syarikat-syarikat seperti FIXI dan PTS telah mengorak langkah membuka ruang yang lebih luas kepada para penulis. Menariknya kedua-dua sayembara dan anugerah adalah agak berbeza daripada sayembara dan anugerah yang sedia ada. Sebagai contoh, syarikat FIXI membuka ruang kepada penulis-penulis Indie untuk menghasilkan karya yang lebih bermutu. Rata-rata khalayak mengetahui bahawa penulis-penulis Indie menulis dengan cara yang tersendiri sehingga ada kala terkeluar daripada norma masyarakat. Lagi pun para penulis Indie kebiasaannya mengeluarkan dan memasarkan sendiri karya-karya mereka maka aspek-aspek seperti bahasa, moral dan teknik selalunya akan diabaikan atau lebih tepat tidak diambil berat. Jadi dengan adanya sayembara, penulis peroleh rahmat kerana karya mereka akan diedit dengan lebih sempurna sebelum diterbitkan (Latifah Arifin, 2015: 5).

Selain itu, karya yang sudah dimurnikan juga akan terbitkan dengan perjanjian bayaran yang telah ditetapkan. Selalunya pembayaran royalti adalah agak lumayan kepada penulis selain hadiah yang telah ditetapkan kepada pemenang dalam sayembara dan hadiah sastera. Malahan, adakalanya karya-karya yang tidak menang juga akan diterbitkan sekiranya memenuhi syarat dan kehendak penerbit. Jadi sudah pasti keadaan ini menjadi rahmat kepada penulis seolah-olah mendapat durian runtuh iaitu mendapat hadiah dan juga perjanjian royalti yang lumayan. Pengarang perlu mengambil peluang sebegini kerana untuk mencari penerbit pada masa ini agak sukar. Lagipun banyak penerbit yang sering menetapkan pelbagai syarat dan kehendak sebelum menerbitkan sesebuah karya. Juga ada sesetengah penerbit muhu penulis mengikut cara mereka seperti idea dan cerita yang mereka tetapkan sahaja. Oleh itu, sayembara dan anugerah sastera membuka banyak ruang dan peluang kepada pengarang untuk mendapat pulangan yang berbaloi.

Seterusnya nilai hadiah yang ditawarkan juga sering berubah-ubah mengikut sayembara tersebut. Selalunya hadiah tersebut bergantung kepada penajaan dan juga syarikat penerbitan. Sebagai contoh, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pernah menawarkan hadiah sehingga RM 50 ribu untuk hadiah utama. Begitu juga dengan Kerajaan Negeri Johor bagi sayembara penulisan novel sejarah negeri dengan nilai yang sama. Terkini hadiah RM 25 ribu ditawarkan untuk pemenang utama novel futuristik. Jika difikirkan secara logik hadiah tersebut sangat lumayan bagi sebuah manuskrip malah, kelak karya tersebut juga akan diterbitkan

berserta perjanjian bayaran royalti (Lim Swee Tin, 2013: 22). Jadi tidak perlu lagi mempersoalkan tentang nilai hadiah yang tidak berbaloi. Hal ini demikian kerana, sebuah manuskrip yang berjumlah 40 ribu patah perkataan dibayar sebanyak itu adalah sangat lumayan. Maka kehadiran sesebuah sayembara dan anugerah sastera ternyata memberi rahmat kepada pengarang.

Pengarang dan Karyanya dikenali

Pemenang sayembara juga akan mendapat tempat di media masa dan seterusnya di mata khalayak. Bukan calang-calang berita yang akan disiarkan di media cetak jika tidak melibatkan kepentingan negara atau isu-isu yang sensasi. Oleh itu promosi sebegini sudah pasti akan membuka ruang kepada penulis untuk dikenali. Sudah terdapat beberapa orang penulis yang menjadi popular kerana kejayaan dalam sayembara. Sebagai contoh, Azizi Haji Abdullah pernah digelar sebagai penulis sayembara. Begitu juga dengan Amer Hamzah L. Kadir yang hanya menulis untuk menyertai sayembara semata-mata. Setiap novel yang diterbitkan oleh mereka kebanyakan yang pernah memenangi sayembara. Jarang sekali penulis-penulis tersebut menulis jika tidak menyertai sayembara, kiranya ada pastinya telah melibatkan perjanjian yang melibatkan perjanjian yang lumayan (Lim Swee Tin, 2013: 22).

Seterusnya novel-novel yang telah memenangi sesuatu sayembara juga akan dipilih untuk menjadi buku teks atau buku rujukan di sekolah. Terpilih sebagai buku teks di sekolah memang layak dikatakan mendapat durian runtuh. Jumlah pelajar dan sekolah di Malaysia sangat banyak sama ada sekolah bantuan kerajaan mahupun swasta. Oleh itu ratusan ribu naskhah akan dicetak untuk diedarkan ke seluruh negara. Selain itu, penulis juga akan dijemput ke sekolah untuk menceritakan tentang novel hasil tulisan mereka seperti bengkel, bedah karya dan bual bicara. Dengan cara ini sudah tentu akan dikenali oleh khalayak kerana sering bertemu para pembaca. Maka sudah jelas setelah memenangi sayembara pelbagai ganjaran atau rahmat akan diperoleh.

Selain itu, majalah-majalah dan akhbar-akhbar yang mempunyai ruangan sastera juga sudah pasti akan membuat liputan khas tentang pemenang (Latifah Arifin, 2016: 4). Kesempatan sebegini ibarat "*tikus jatuh ke dalam guni beras*" kerana mendapat rahmat atau ganjaran yang melimpah ruah. Apabila sudah mendapat liputan yang meluas sudah pasti karya juga akan menjadi sasaran pembaca. Ragam pembaca adalah pada masa kini lebih kepada sesuatu yang popular lebih-lebih lagi apabila menjadi tular atau mendapat liputan di media. Jadi sudah terang lagi bersuluh pengarang mendapat banyak kelebihan apabila karya telah memenangi sesuatu sayembara dan anugerah sastera.

Motivasi kepada Pengarang

Memenangi sesuatu sayembara dan anugerah sastera secara tidak langsung juga dapat memberi suntikan semangat kepada pengarang. Walaupun kemenangan tersebut bukan merupakan hadiah utama namun, tetap memberi dorongan dan motivasi kepada pengarang untuk terus berkarya. Dalam hal ini, pengarang akan lebih banyak menghasilkan karya dan juga sentiasa bersedia untuk menyertai sayembara yang lain. Selain itu pemenang sayembara juga akan menjadi rujukan penulis-penulis lain untuk mendapatkan tips bagi menyertai sesuatu sayembara. Jemputan-jemputan untuk berceramah juga adalah rezeki di luar jangkaan kepada para pengarang. Hal ini memperlihatkan banyak manfaat akan diterima oleh pengarang apabila diangkat sebagai pemenang sayembara atau penerima anugerah sastera. Tidak hairanlah apabila negara kita dianggap sebagai negara yang paling banyak menganjurkan sayembara dan anugerah sastera (Lim Swee Tin, 2013: 22).

KESIMPULAN

Wujudnya pengiktirafan seperti sayembara dan hadiah sastera pasti memberi manfaat kepada penulis, iaitu menerima hadiah yang lumayan, penulis dikenali ramai dan menjadi bahan rujukan. Sehubungan dengan itu, pelbagai pengiktirafan sebegini memberi ruang kepada penulis untuk bereksperimen dalam menghasilkan sesebuah karya yang luar biasa dan diterima oleh pembaca. Hal ini demikian kerana, lazimnya pihak penerbit sangat sukar untuk menerbitkan karya-karya yang dilabelkan sebagai berat dan susah untuk dijual seperti karya-karya pemenang sayembara dan hadiah sastera. Namun begitu apabila kriteria utama yang menjadi pilihan panel penilai sudah diketahui, adalah diharapkan kriteria tersebut dapat membantu para penulis menghasilkan karya yang diminati. Kriteria-kriteria yang digariskan ialah kekuatan watak yang bersifat positif dan dinamik, mempunyai nilai estetika sastera, penerapan unsur intelektual dan mampu menggugah perasaan pembaca. Maka hasil sastera seperti novel, cerpen, sajak dan skrip drama mampu menjadi pemangkin yang boleh berfungsi untuk pelbagai tujuan asalkan karya-karya tersebut sampai kepada khalayak untuk dibaca.

RUJUKAN

- Ani Awang. 2005. Penulis Muda-Dominasi Hadiah Sastera Johor. Dlm. *Utusan online*, 11 Julai. (Atas talian). Muat turun 20 April 2018, dari <http://www.utusan.com.my.ARKIB>.
- Che Abdullah Che Ya. 2018. Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu dalam Bedar Sukma Bisu daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu. *Jurnal Melayu*, 17(2), 25-39.
- Dedi Rainer. 2017. Pengertian Rubrik, Tujuan, Manfaat, Jenis, Syarat, Contoh Lengkap: Muat turun 20 Mei 2018, dari <http://www.spengetahuan.com.html>.
- Hashim Ismail. 2007. Sejarah Penulisan Novel di Malaysia: Isu dan Cabaran. *Jurnal Melayu*, 18, 25-39.
- Hashim Ismail. 2017. Sastera Nasional: Antara Sastera Inggeris dan Sastera Melayu. *Jurnal of Nusantara Studies*, 2(2), 178-187.
- Laporan Panel Hadiah Sastera Perdana Malaysia*. 2010/11. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Sastera.
- Laporan Panel Hadiah Sastera Perdana Malaysia*. 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Latifah Arifin. 2015. Siapa Pemenang Sayembara Penulisan II? *Berita Harian*, 31 Mac: 5.
- Latifah Arifin. 2016. Nenek Cabar Daya Intelektual. *Berita Harian*, 10 Februari: 4.
- Lim Swee Tin. 2013. Sumbangan SEA Write Award. *Utusan Malaysia*, 06 Oktober: 22.
- Mana Sikana. 2015. *Koleksi Teori Sastera Klasik, Tradisional, Moden, Pasca Moden dan Tempatan*. Bandar Baru Bangi: Pustaka Karya.
- Mawar Shafie. 2006. *Sastera dan Penulisan dalam Agenda Pembangunan Belia Negara*. Laporan Akhir Penyelidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mawar Shafie. 2015. Konflik Komunikasi dari “Bercak” ke Menongkah Lumrah Karya Azmah Nordin. *Jurnal Komunikasi*, 31(2), 169-182.
- Mohd Affendi Hassan. 2012. Perkembangan Novel Malaysia Dekad Mutakhir. *Dewan Sastera*, Mei: 1.
- Mohd Hasnul Mohd Sani. 2016. Jangan Samakan Novel Pop, Karya Sastera Berunsurkan Cinta. Dlm. *Berita Harian Online*, 14 Februari. (Atas talian). Muat turun 20 Mei 2018, dari <http://www.Bharian.com.my>.
- Mohd Khair Ngadiron & Rozlan Mohamed Nor. 2015. *Laporan Sayembara Penulisan ITBM-PENA-BH: Pemacu Pemerksaan Penerbitan Buku Semasa*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Buku Malaysia.

- Mohd Rusdi Samsuddin, Siti Fairus Ahmad, Fatimah Hikmah Saipul Anuar, Nor Hidayahwati Salim & Noor Hazimah Zainuddin. 2015. Analisis Ciri-ciri Agung Moden dalam Novel Salina Karya A. Samad Said. Muat turun 20 Mei 2018, dari <http://karyaagung2015.blogspot.my>.
- Muhammad Rashidi Wahad & Siti Nur Hidayah Kusnin. 2016. Laporan Awal: Sorotan Fenomena Buku Indie di Malaysia. Muat turun 21 Mei 2018, dari <http://www.jais.gov.my/sites/...asas/.../Fenomena%20Buku%20Indie.pdf>.
- Othman Lebar. 2009. *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Othman Puteh. 2000. Sumbangan Penulis Pelbagai Kaum pada Kesusastraan Kebangsaan. *Dewan Sastera*, April: 9-11.
- Nazmi Yaakub. 2014. Harapan DBP Kembalikan Zaman Keemasan Penerbitan Buku. Dlm. *Berita Harian online*, 23 Disember. (Atas talian). Muat turun 21 Mei 2018, dari <http://www.Bharian.com.my>.
- Nisah Haron. 2012. Perkembangan Novel Malaysia Dekad Mutakhir. *Dewan Sastera*, Bil. 2, 9-12.
- Rozimah Abd Azib. 2008. Memburu Hadiah atau Anugerah? *Dewan Sastera*, Mac: 1-2.
- Zalila Sharif. 2008. Sayembara Mengarang Sempena 50 Tahun Merdeka. *Dewan Sastera* Mac: 9-11.

Pengiktirafan

Ucapan terima kasih saya rakamkan kepada penyelia Pengajian Doktor Falsafah, Doktor Nor Hasimah Ismail (UUM) atas tunjuk ajar yang tidak pernah jemu. Juga untuk semua ahli keluarga serta rakan-rakan. Terima kasih daun keladi. Moga usaha ini diberkati oleh Allah SWT.

Biodata Penulis:

Husairi Hussin adalah pelajar Pusat Pengajian Awang Had Salleh, Universiti Utara Malaysia (UUM) yang sedang mengikuti program doktor falsafah (PHD). Kini bertugas sebagai guru di Maktab Rendah Sains MARA yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu.